



BERDEBAR
...seorang mangsa banjir menunggu bantuan di atas bumbung rumahnya.



ANGKAT...seorang penduduk di Kampung Pulai, Gelang Patah mengharung banjir untuk menyelamatkan barang keperluan dari rumahnya.

Sekitar banjir

Jalan putus

Segamat hanya boleh dihubungi dengan helikopter

>>Oleh Mohd Ramzi Sanny, Ibrahim Isa, Mary Victoria Dass, Rudy Fazrunisyam Samarudin, Mohd Roji Abdullah, Ahmad Othman, Paiman Selamat dan Sahlina Sakhirin

am@hmetro.com.my

JOHOR BAHRU: Lebih 7,000 penduduk Felda Pemanis Satu dan Dua di Segamat terperangkap sejak pagi semalam apabila jalan masuk ke Felda itu terputus pada hari ketiga banjir luar biasa melanda negeri ini.

Semalam, daerah itu menjadi kawasan paling teruk dilanda bencana alam itu yang menyaksikan jumlah mangsa, dipindahkan di seluruh negeri meningkat kepada hampir 25,000 orang yang ditempatkan di 165 pusat pemindahan.

Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman, berkata keadaan banjir di Segamat dilaporkan kritikal kerana usaha memindahkan mangsa menghadapi kesukaran berikutan beberapa jalan utama ditenggelami air.

Menurutnya, banjir di utara Johor menyebabkan beberapa kawasan yang dinaiki air di daerah Segamat terputus hubungan.

"Banjir di Segamat menerima tempas dari hujan lebat di selatan Pahang menyebabkan beberapa sungai mencatat paras bahaya.

"Usaha memindah dan menyalurkan bantuan kepada mangsa banjir di daerah itu giat dilakukan termasuk bantuan anggota tentera dari Kem Terendak Melaka," katanya ketika mendengar taklimat banjir daerah Muar di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Muar, semalam.

Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Ke-

selamatan Rancangan (JK-KR) Felda Permais Dua, Wakimun Amir, berkata semua penduduk Felda itu kini terputus hubungan apabila jalan masuk ke tanah rancangan itu di Kilometer 22 Jalan Segamat-Kuantan ditenggelami air.

Katanya, selain terputus hubungan, penduduk turut tidak mendapatkan bekalan elektrik dan bekalan air bersih.

"Jalan masuk ke Felda ini runtuh sedalam kira-kira lapan meter dan 12 meter lebar yang menyebabkan penduduk tidak boleh keluar masuk untuk mendapatkan bantuan.

"Bencana ini turut menyebabkan 71 mangsa banjir di Felda ini yang dipindahkan ke Balai Raya Pemanis berada dalam keadaan serba kekurangan," katanya ketika dihubungi.

Selain itu, kegiatan ekonomi di bandar Segamat hampir lumpuh apabila keseluruhan bandar itu ditenggelami air berikutan air Sungai Segamat melimpahi tebing, sejak pagi semalam.

Paras air di sungai itu dilaporkan berada pada paras 11.34 meter (m) melepasi tahap bahaya iaitu 9.4m.

Daerah itu terputus hubungan pengangkutan dari arah utara dan selatan apabila semua jalan raya ditutup akibat banjir dan Segamat hanya boleh dimasuki menggunakan laluan udara dengan helikopter.

Hospital Segamat juga tidak mampu beroperasi apabila jalan raya utama terpaksa ditutup menyebabkan agensi penyelamat terpaksa membuka klinik bergerak.

Selain itu, banjir besar berkenaan menyebabkan talian telefon dan komunikasi tergendala dengan kebanyakan kawasan menghadapi kesu-

litan menggunakan talian telefon.

Sementara itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Kemelah, Ayub Rahmat, berkata laluan di Desa Temu Johor dan Jalan Genuang di Jalan Segamat-Yong Peng ditenggelami air sedalam 1.5m.

Beliau berkata, hampir keseluruhan daerah itu terputus hubungan dengan daerah lain akibat banjir dan ramai penduduk kampung dan peneroka Felda menghadapi kesukaran keluar masuk apabila perhubungan pengangkutan terputus.

"Banyak kemusnahan berlaku, antaranya jambatan konkrit di pintu masuk Felda Redong runtuh menyebabkan 5,000 penduduk Felda terputus hubungan," katanya.

Ayub berkata, kedua-dua jambatan yang menghubungkan bandar Segamat itu ditenggelami air dan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) dari Kluang dan Kuantan, Pahang hanya mula menghantar bekalan makanan kepada mangsa semalam menggunakan helikopter.

Selain itu, SAJ Holdings Sdn Bhd (SAJH) mengesahkan bekalan air bersih ke daerah Segamat terputus selepas tiga loji air di Kemelah, Palong Timur dan Air Panas, Labis dinaiki air.

Ketua Jabatan Komunikasi Korporatnya, Jamaluddin Jamil, berkata pihaknya kini bersiap sedia dengan lori tangki yang akan membawa bekalan air bersih ke pusat pemindahan banjir.

"Setakat ini, hanya ada sebuah loji air yang beroperasi iaitu di Labis tetapi bekalannya terhad dan jika ia dinaiki air, SAJ terpaksa menutup loji berkenaan," katanya.